

15 JUL 2002

P/Raya-Umno (Bergambar)

150 PENYOKONG PAS SERAH BORANG MASUK UMNO KEPADA PM

PENDANG, 15 Julai (Bernama) -- Seramai 150 orang penyokong PAS termasuk empat wanita, dari kawasan Parlimen Pendang hari ini menyerahkan borang keanggotaan Umno kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Borang itu diserahkan kepada Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, selepas beliau merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri di sini.

Seramai 10 orang wakil naik ke atas pentas bagi menyerahkan borang itu.

Salah seorang daripada mereka ialah Ayob Yahya, 52, bekas anggota jawatankuasa sebuah cawangan PAS di sini yang telah bersama parti pembangkang itu sejak lebih 20 tahun.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Ayob berkata beliau dan rakan-rakannya mengambil keputusan untuk menyertai Umno kerana PAS tidak mampu melakukan sebarang perubahan sejak Parlimen Pendang diwakili oleh wakil rakyat PAS.

"Saya percaya hanya Barisan Nasional (BN) sahaja yang boleh membangunkan kawasan Pendang ini," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kerja BN Senator Datuk Yaakob Mohammad berkata kemasukan penyokong-penyokong PAS itu adalah atas kesedaran dan kerelaan mereka sendiri tanpa paksaan daripada mana-mana pihak.

"Sebenarnya mereka ini telah lama berniat untuk menyertai Umno tetapi disebabkan takut dipinggirkan oleh penduduk kampung yang majoritinya adalah penyokong PAS, mereka terpaksa memendamkan hasrat itu," katanya.

Beliau berkata lebih ramai lagi penyokong PAS bakal menyertai Umno dalam tempoh sehari dua lagi dan malam esok kemungkinan seramai 150 orang lagi akan menyerahkan borang keanggotaan Umno kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

MNH MNH MOZ